

**SKIM PERKHIDMATAN  
PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN**

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : PELAKSANA

<b>Gred</b>	<b>Jadual Minimum-Maksimum</b>		
<b>Gred U3</b>	RM801.84	-	RM2140.69
<b>Gred U12</b>	RM835.06	-	RM2520.91
<b>Gred U14</b>	RM1573.40	-	RM2858.19

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
    - (a) warganegara Malaysia;
    - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
    - (c) tamat tingkatan III sekolah menengah bantuan penuh (Gaji permulaan ialah pada Gred U3 : RM801.84); atau

dan (d) boleh bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

**PENETAPAN PERMULAAN**

**GAJI**

    2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred U3 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

    3. Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U3 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

    4. Pembantu Perawatan Kesihatan boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN**

    5. Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U3 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
6. Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U3 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED U12**
8. Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U3 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U12 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED U14**
9. Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U12 adalah layak dipertimbang bagi jawatan kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U14 yang kosong apabila telah :-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
  - (b) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN JURURAWAT MASYARAKAT, PEMBANTU PEMBEDAHAN PERGIGIAN, PEMBANTU KESIHATAN AWAM**
10. Pembantu Perawatan Kesihatan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Jururawat Masyarakat Gred U19, Pembantu Pembedahan Pergigian Gred U11, Pembantu Kesihatan Awam Gred U11 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.